

19 April 2018

Kepada Badan Atau Orang Perseorangan Yang Berkepentingan,

Jemputan Untuk Membuat Ulasan Berkenaan Dengan Penilaian Utama Persijilan MSPO Bagi Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) Gugusan Selancar.

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) Gugusan Selancar telah melantik Trans Certification International Sdn Bhd untuk melaksanakan penilaian utama pensijilan Malaysian Sustainable Palm oil untuk Rancangan FELDA Gugusan Selancar. Penilaian akan dilaksanakan ke atas 6 rancangan yang diuruskan oleh Lembaga Kemajuan FELDA Gugusan Selancar.

Trans Certification International Sdn Bhd merancang untuk melakukan penilaian persijilan bagi FELDA Gugusan Selancar pada 21 hingga 22 Mei 2018. Penilaian utama akan diadakan menurut Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) MS 2530-3:2013 'General Principles for Oil Palm Plantation and Organized Smallholders'. Penilaian akan merangkumi isu-isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian MSPO.

Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

Rancangan	Alamat	Jumlah Kawasan Keseluruhan (Ha)	Jumlah Peneroka	Rujukan GPS
Selancar 1	Pejabat Felda Selancar Satu, 26700 Muadzam Shah, Pahang.	1,315.73	312	Lat: 2°41'5.4126", Long: 102°57'18.0972",
Selancar 2	Pejabat Felda Selancar 2, 26700 Muadzam Shah, Pahang.	1,515.91	358	Lat: 2°37'50"N, Long: 103°1'0"E,
Selancar 3	Pejabat Felda Selancar 3, 26700 Muadzam Shah, Pahang	1,454.12	365	Lat: N2°37'27.786" Long: E103°0'11.286"
Selancar 4	Pejabat Felda Selancar 4, 26700 Muadzam Shah, Pahang	751.46	168	Lat: 2.623099, Long: 103.0058813
Selancar 5	Pejabat Felda Selancar 5, 26700 Muadzam Shah, Pahang	493.69	90	Lat: 2.623099, Long: 103.0058813
Redong	Pejabat Felda Redong 01, 85000 Segamat, Johor	2822.22	672	Lat: 2°30'7.3412"N, Long: 103°1'5.628"E,

Trans Certification International Sdn Bhd adalah 100% Syarikat Bumiputra yang telah ditubuhkan pada tahun 2017. TCI adalah pembekal pensijilan, kualiti pengurusan, dan pensijilan produktiviti. Semenjak tahun 2015, TCI telah bergiat aktif dalam bidang pengauditan dan bekerjasama dengan beberapa Badan Pensijilan lain.

Pasukan audit dari Trans Certification International Sdn Bhd yang akan melaksanakan audit penilaian di FELDA Gugusan Selancar terdiri daripada:

En. Mohd Rizal Bin Kassim sebagai Ketua Juruaudit (Amalan Pertanian Baik di ladang, Keselamatan dan Kesihatan Pekerja, Aspek Undang-Undang, HCV dan Sosial)

En. Abdul Hakim Bin Mohamad sebagai Juruaudit (Aspek undang-undang dan Alam Sekitar)

En. Mohd Johari Bin Kassim sebagai juruaudit (Aspek Undang-Undang, Sosial dan Temuduga Stakeholder)

Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau orang perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan.

Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Perlindungan alamsekitar
- Penjagaan 'Biodiversity'
- Peluang-peluang pekerjaan
- Pendekatan pihak syarikat dalam kemajuan komuniti
- Perhubungan anda dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam proses membuat keputusan
- 'Free, prior and informed consent' (FPIC)
- Cadangan-cadangan penambahbaikan

Komen-komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan ini hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini. Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama:
Alamat:
Email:
Nombor Telefon:
Nombor Faks:

Jika komen-komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

Pengarah Urusan

Pn. Maniza Mamat
Trans Certification International Sdn Bhd.
No. 15 & 17, Ground Floor ICT HUB,
Jalan Putra Square 4, Putra Square,
25200 Kuantan Pahang.
Fax: +609-560 9613
Email: info@transcert.com.my

DAN/ATAU Auditee:

En. Ahmad Shahrir Ismail
Certification & Due Diligent
FELDA Global Ventures Holdings Berhad
Level 20, Menara Felda, Platinum Park,
No. 11, Persiaran KLCC
50088 Kuala Lumpur, Malaysia
Fax : +603-2859 1311
Email : shahrir.i@feldaglobal.com

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang benar,



.....
Maniza Mamat
Pengarah Urusan

